

## *Membina Keupayaan Berfikir Dalam Kemahiran Lisan*

**Suriana Mohamed Bakri**

hesheam\_hashim@schools.gov.sg

**Sri Rahayu Mohamed Amin**

sri\_rahayu\_mohamed\_amin@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Kranji**

### *Abstrak*

Keupayaan berfikir merupakan proses menggunakan minda untuk mencari makna dan memahaminya, meneroka idea, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dan membuat refleksi. Kajian ini dijalankan untuk mengembangkan keupayaan berfikir, memperdalam pemahaman dan meningkatkan kemahiran interaksi murid melalui latihan berterusan dan penggunaan rutin berfikir. Kajian ini menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya, Melangkah ke Dalam, Fikir-Tulis dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu bagi menggalakkan murid berfikir secara berstruktur dan kritis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rutin berfikir dapat membantu membina struktur yang berkesan dan murid mampu memberikan respons yang komprehensif. Murid juga dapat menjana idea dan melibatkan diri dalam perbualan serta bertukar-tukar idea secara konsisten.

Kata Kunci: keupayaan berfikir, rutin berfikir, kemahiran lisan, strategi pengajaran



## PENGENALAN

Berdasarkan pemantauan guru, murid-murid didapati tidak cenderung berfikir, memperdalam pemahaman pembelajaran mereka dan kurang berminat berinteraksi secara lisan. Dalam kajian ini, kami memutuskan untuk menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya, Melangkah ke Dalam, Fikir-Tulis dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu untuk membina keupayaan berfikir dalam kemahiran lisan murid darjah 6 yang beraras kebolehan tinggi. Matlamat kajian ini adalah untuk mengembangkan kecenderungan berfikir murid, memperdalam pemahaman dan meningkatkan kemahiran interaksi murid melalui latihan berterusan dan pembelajaran rutin berfikir.

Rutin berfikir merupakan alat dan tatacara untuk membimbing murid melaksanakan proses berfikir. Ia juga menggalakkan proses berfikir yang berlaku secara aktif, berstruktur, bersistematik dan produktif. Rutin berfikir penting untuk diterapkan dalam pembelajaran lisan di dalam bilik darjah memandangkan kebanyakan murid agak lemah dalam kemahiran bertutur. Murid mempunyai penguasaan kosa kata yang terhad dan adakalanya mereka tidak memahami kehendak soalan yang memerlukan murid memberikan respons yang relevan mengenai tema yang disampaikan dalam video. Rutin berfikir juga menggalakkan murid berfikir secara berstruktur dan berkeyakinan untuk bertanyakan soalan.

## PERNYATAAN MASALAH

Kelemahan murid memberikan respons peribadi dan mengembangkan idea dalam peperiksaan lisan untuk bahagian perbualan bukanlah suatu perkara baharu. Berdasarkan analisis ujian lisan SA2 bagi kohort murid Darjah 5 (2019), hanya 27% murid mendapat antara 40 – 50 markah. Kemahiran bertutur bukan hanya sekadar memberi respons bagi menjawab soalan-soalan rangsangan. Keupayaan bertutur atau berinteraksi memerlukan murid menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara bersopan. Oleh itu, teknik pengajaran pertuturan yang berkesan akan dapat membantu guru mengenal pasti kelemahan murid dalam memberikan respons peribadi yang relevan dan mengembangkan idea.



## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. mengkaji sejauh mana keberkesanan penggunaan rutin berfikir dapat membina keupayaan berfikir dalam kemahiran lisan; dan
2. mewujudkan budaya berfikir dalam kelas.

## KAJIAN LEPAS

Menurut Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison (2011) dalam buku *“Making Thinking Visible”*, guru boleh melakukan sesuatu untuk menjadikan pemikiran lebih jelas daripada apa yang biasanya berlaku di dalam bilik darjah. Apabila guru berbuat demikian, pelajar diberikan lebih banyak ruang untuk membina dan mempelajari sesuatu. Untuk menggalakkan pemikiran di dalam bilik darjah, guru harus memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir dan menjadikan pemikiran pelajar lebih jelas.

Heong (2011) pula berpendapat, berfikir merupakan aktiviti minda semasa membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berdasarkan maklumat dan pengalaman yang sedia ada. Kemahiran berfikir merupakan pengelolaan proses-proses mental yang berlaku dalam minda atau sistem kognitif. Selain membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, berfikir juga bertujuan untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, eksplorasi terhadap pelbagai idea atau ciptaan dan membuat pertimbangan, dan seterusnya membuat refleksi dan metakognitif terhadap proses yang dialami.

Heredia (2017) berpendapat bahawa penggunaan rutin berfikir dapat meningkatkan kesedaran murid dan konsep berfikir boleh beralih daripada tindakan fizikal kepada tindakan kognitif. Pemikiran murid juga beralih daripada hanya mengenal pasti tindakan fizikal kepada kesinambungan antara tindakan fizikal dan tindakan kognitif. Walaupun hasilnya positif, namun fasa rawatan tidak cukup lama untuk murid memahami keberkesanan atau nilai sepenuhnya rutin berfikir bagi pemahaman mereka. Murid juga dapat menentukan bahawa berfikir untuk memahami sesuatu amat bermanfaat, tetapi tidak dapat



menilainya sendiri atau menggunakannya di dalam bilik darjah yang lain. Justeru, rutin berfikir yang jelas dan penekanan terhadap pemikiran untuk memahami sesuatu aktiviti dapat membantu menubuhkan bahasa kognitif yang sama di dalam bilik darjah.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan data yang diperoleh melalui respons murid dan analisis respons bagi soalan-soalan rangsangan yang diajukan. Sebanyak 24 orang murid Darjah 6ML1 yang beraras kebolehan tinggi dipilih sebagai sampel kajian. Mereka dikehendaki memberi respons peribadi yang komprehensif berserta pengembangan idea yang cukup berdasarkan soalan-soalan rangsangan mengenai video 1-minit yang ditonton. Murid juga digalakkan untuk melibatkan diri dalam perbualan serta bertukar-tukar idea.

Setiap respons bagi soalan-soalan rangsangan diperiksa dan dianalisis bagi mengenal pasti pandangan atau pendapat yang relevan atau sesuai. Statistik berbentuk markah dan peratusan digunakan untuk menentukan kerelevanan respons bagi soalan-soalan rangsangan yang diutarakan. Pengkaji juga menerapkan penggunaan Amalan Pengajaran Singapura (STP) bagi menyusun pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura**

| <b>Proses Pengajaran</b> | <b>Aspek Pengajaran</b>   | <b>Aktiviti Mengajar</b>   |
|--------------------------|---------------------------|--|
| Pelaksanaan Pengajaran   | AP14:<br>Merangsang Minat | AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Murid menonton video dan berkongsi respons mereka tentang kisah yang ditonton dan tema di sebalik kisah tersebut melalui Mentimeter dan Padlet dengan menggunakan iPad secara berpasangan dan kumpulan. |

|                            |  |  |
|----------------------------|--|--|
|                            | AP15: Menggalakan Pelibatan Pelajar  | AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi<br>Murid bekerjasama dalam perbincangan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti.  |
| Penilaian dan Maklum Balas | AP24: Menyediakan Tugasan yang Bermakna  | AM2: Menerangkan Pemikiran Saya dengan Menjawab Dua Bahagian Soalan<br>Murid memberi respons berdasarkan soalan-soalan melalui <i>Interactive Thinking Tools</i> yang terdapat dalam portal SLS. |
| Penerangan dan Justifikasi | Bagi melatih dan membina keupayaan berfikir dengan lebih kritis dan sistematik, guru menunjukkan video. Arahan-arahan dan soalan-soalan rangsangan yang berkaitan dengan video dipaparkan melalui <i>Mentimeter</i> , <i>Padlet</i> dan portal SLS. Murid juga dibiasakan dengan penggunaan rutin berfikir yang membolehkan mereka melahirkan pemikiran dengan lebih jelas dan nyata serta membina keupayaan berfikir secara kritis dan memberi respons yang relevan bagi menjawab soalan-soalan rangsangan. |  |

## Subjek Kajian

Dalam kajian ini, subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 6 Bahasa Melayu (6ML1) aras kebolehan tinggi. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 24 orang. Kumpulan ini dipilih sebagai subjek kajian untuk membina keupayaan berfikir mereka dalam menjawab soalan-soalan rangsangan perbualan lisan berdasarkan video.

## Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya, Melangkah ke Dalam, Fikir-Tulis dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu. Rutin ini diharapkan dapat membantu murid berfikir dengan lebih sistematik dan kritis berdasarkan video yang ditunjukkan dan soalan-soalan rangsangan yang diberi. Keupayaan murid dinilai melalui respons peribadi berdasarkan soalan-soalan dan arahan-arahan yang tertera dalam *Mentimeter*, *Padlet* dan *Interactive Thinking Tools* dalam portal SLS.



Melalui portal SLS, murid dapat menjana idea untuk memahami video dan menjawab soalan-soalan rangsangan secara terbimbing.

## **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan secara berperingkat untuk memastikan murid dapat menyesuaikan diri dengan penggunaan beberapa rutin berfikir. Dengan menggunakan rutin-rutin ini, murid dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir mereka dengan lebih berkesan. Murid dibimbing melengkapkan tugas dengan melakukan aktiviti-aktiviti dan menjawab soalan-soalan rangsangan mengenai video dan tema tertentu.

Pelajar didedahkan dengan kehendak ujian lisan yang mana mereka dibimbing untuk membentangkan dan mengembangkan idea. Mereka belajar bagaimana untuk mengembangkan idea dan menghuraikan pandangan secara mendalam. Untuk membantu murid memberikan respons yang relevan, mereka menjawab mengikut format yang diberikan untuk setiap soalan yang diajukan guru. Oleh itu, kami memutuskan untuk menggabungkan Lihat-Fikir-Tanya, Melangkah ke Dalam, Fikir-Tulis dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu untuk mengembangkan pemikiran, memupuk dan membimbing murid ke arah mengekspresikan diri secara bebas.

Setelah menonton video selama 1 minit, murid akan ditanya 3 soalan rangsangan yang berkaitan dengan tema video:

1. Soalan mengenai kandungan video - apa yang berlaku, apa yang murid perhatikan?
2. Pemikiran / pandangan / komen murid yang berkaitan dengan tema - apa yang murid pelajari?
3. Untuk berkongsi pengalaman yang serupa / relevan, atau untuk memperluas tema yang berkait rapat dengan keluarga, sekolah atau masyarakat.

## Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya

**Rajah 1: Respons Word Cloud Murid Selepas Menonton Video**



Bagi bahagian “Lihat” dalam rutin berfikir, secara berpasangan, murid menyumbang saran mengenai tema video. Kemudian, mereka memberikan tiga tema yang sesuai berdasarkan video yang mereka tonton dengan menggunakan *Word Cloud Mentimeter*. Rata-rata murid menyerlahkan kosa kata “menjaga alam sekitar”, “menjaga kebersihan” dan “membuang sampah” dan “menjaga bumi”. Ini jelas memberikan gambaran tentang apa yang telah murid lihat berdasarkan video yang ditonton. Ini jelas memberikankan petanda, murid terlibat dalam pembelajaran.

**Rajah 2: Respons Murid Tentang Watak Dan Latar Mengenai Video**

| <b>Kata Nama</b> | <b>Kata Kerja</b> | <b>Kata Adjektif</b> |
|------------------|-------------------|----------------------|
| tong sampah      | membuang          | rambut pendek        |
| beg sekolah      | berjalan          | minuman sejuk        |
| kertas pena      | menulis           | rambut pendek        |
| minuman          | membersihkan      | tong sampah biru     |
| surat            | menyimpan         | tong sampah hijau    |
| lembaran kerja   | makan             |                      |
|                  | mengambil         |                      |

Bagi aktiviti “Fikir”, secara berpasangan, murid menyenaraikan tiga kelompok kosa kata seperti kata nama, kata kerja dan kata sifat mengenai watak dan latar yang mereka lihat dari video. Sekali lagi, murid-murid dapat berfikir dan menghubungkan aktiviti menonton video dengan aktiviti berfikir. Banyak kosa kata yang dapat diserlahkan murid.



### Rajah 3: Respons Murid Membina Soalan Mengenai Video

**Arahan: Catatkan 3 soalan yang ingin kamu TANYA mengenai video tadi.**

**Respons murid:**

1. Di manakah remaja perempuan itu berada?
2. Mengapakah lelaki itu menyuruh perempuan itu mengutip sampah?
3. Bilakah kejadian itu berlaku?

Bagi aktiviti “Tanya” pula, bersama pasangan yang sama, murid menulis 3 soalan yang ingin mereka tanyakan mengenai video tersebut. Murid menggunakan teknik 5W1H dalam membina soalan. Di sini jelas menunjukkan murid sudah mula berfikir dan terlibat dalam memahamkan video yang telah ditonton.

### Rutin Berfikir Melangkah ke Dalam

#### Rajah 4: Respons Murid Mengambil Perspektif Watak Dalam Video


| <b>Siapakah watak-watak itu dan apakah yang dilakukan oleh mereka?</b>  | <b>Mengapakah watak-watak itu melakukan perkara itu?</b>   | <b>Bagaimanakah perasaan watak-watak itu?</b>  |
|---|--|--|
| Watak itu ialah seorang remaja lelaki yang menyuruh seorang remaja perempuan mengutip sampah yang dicampaknya ke lantai dan membuang sampah itu ke dalam tong sampah. | Remaja lelaki itu menyuruh remaja perempuan itu mengutip sampah itu kerana dia mahu menjaga kebersihan alam sekitar. | Pada hemat kami, remaja lelaki itu berasa marah kerana remaja perempuan itu membuang sampah sembarangan. |

Dalam kumpulan kecil, murid mengambil perspektif watak dalam video. Guru menyediakan soalan berkaitan watak dan menetapkan senario yang berbeza bagi setiap kumpulan. Murid mencatat respons masing-masing berdasarkan soalan dan watak yang diberikan kepada mereka. Guru memberikan watak yang harus dibincangkan oleh setiap kumpulan dalam Senario 1 atau Senario 2 yang terdapat dalam video.




## Rutin Berfikir Fikir-Tulis

**Rajah 4: Respons Murid Menggunakan Padlet Tentang Bagaimana Untuk Menjaga Kebersihan Estet Perumahan**



**Rajah 5: Rutin Berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu**



Setelah murid mengemukakan cadangan mereka mengenai cara menjaga kebersihan persekitaran, dalam kumpulan masing-masing, murid-murid memberikan maklum balas mereka mengenai pendapat yang diberikan oleh kumpulan lain.



## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Rajah 6: Markah Ujian Lisan

| Markah Ujian Lisan | Peperiksaan Akhir Tahun P5 (2019) | Peperiksaan Pertengahan Tahun P6 (2020) | Peperiksaan Prelim P6 (2020) |
|--------------------|-----------------------------------|---|------------------------------|
| 30 – 34            | 8%                                | 4%                                      | 0%                           |
| 35 - 39            | 56%                               | 42%                                     | 29%                          |
| 40 – 44            | 32%                               | 50%                                     | 50%                          |
| 45 - 50            | 4%                                | 4%                                      | 21%                          |

| Markah Bahagian Perbualan | Peperiksaan Pertengahan Tahun P6 (2020) | Peperiksaan Prelim P6 (2020) |
|---------------------------|---|------------------------------|
| 15 - 19                   | 0%                                      | 8%                           |
| 20 - 25                   | 70%                                     | 50%                          |
| 26 - 30                   | 30%                                     | 42%                          |

Setelah menjalani aktiviti-aktiviti yang dirancang dan intervensi untuk membina keupayaan berfikir dalam kemahiran lisan, terdapat peningkatan bagi keputusan ujian lisan murid bermula dari Peperiksaan Akhir Tahun P5 hingga ke Peperiksaan Prelim P6. Bagi markah kualiti (45 – 50), loncatan peratusan sebanyak 19% dapat dilihat. Ini bermakna strategi-strategi pengajaran yang digunakan seperti rutin berfikir dapat menyokong bagi membentuk suasana PdP yang berkesan dan memberangsangkan.

### **Rutin Berfikir - Lihat-Fikir-Tanya**

Setelah melalui latihan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya bersama murid, mereka dapat berkongsi pemerhatian mereka bersama rakan sekelas dengan menggunakan rangsangan yang diberikan. Mereka juga dapat membuat kesimpulan berdasarkan pemerhatian mereka mengenai latar dan tema video. Justeru, mereka dapat memberikan alasan atau sebab untuk menyokong pemikiran dan keputusan yang dibuat melalui alasan atau sebab yang bernas. Bilik darjah menjadi lebih meriah apabila mereka diminta untuk ber" TANYA " apa lagi yang mungkin berlaku sekiranya alam sekitar kotor. Oleh sebab topik ini sesuai dengan keadaan pandemik yang berlaku ketika ini, murid-murid sangat responsif dalam memberikan pandangan mereka.

## **Rutin Berfikir - Melangkah ke Dalam**

Menggunakan rutin berfikir ini telah memperdalamkan pemahaman murid mengenai watak-watak dalam video. Mereka dapat “melangkah ke dalam” situasi dari perspektif (Senario 1) sekumpulan kanak-kanak yang menjaga kebersihan persekitaran dan (Senario 2) seorang budak lelaki yang menyuruh seorang gadis membuang sampah ke dalam tong sampah.

Apabila murid diminta melihat sesuatu dari sudut pandangan yang berbeza, ini dapat membantu mereka memahami akan alam yang didiami dan menunjukkan sikap empati dan lebih memahami orang lain. Apabila murid diminta untuk memikirkan bagaimana keadaan sekiranya mereka menjadi penyapu, mereka dengan bersemangat dapat menggambarkan apa yang mereka lihat, dengar dan bau.

## **Rutin Berfikir - Fikir-Tulis**

Menggunakan rutin berfikir ini memberi peluang kepada murid untuk memberikan pandangan masing-masing dengan menggunakan *Padlet*. Pemikiran mereka bertambah jelas dan mereka dapat membuat pertimbangan mengenai sudut pandangan rakan sekelas. Mereka juga dapat memberikan lebih banyak maklumat berbanding dengan apa yang dapat mereka ajukan dalam perbualan kerana maklumat tersebut dicatatkan di *Padlet*. Secara tidak langsung, rutin ini juga telah dapat memperbaiki penulisan murid. Seorang murid memberi komen bahawa dia dapat mencatat apa yang difikirkannya dan justeru itu, dia dapat menumpukan perhatian dan menulis dengan lebih baik.

## **Rutin Berfikir - Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu**

Murid-murid menyatakan bahawa rutin berfikir ini adalah yang paling mencabar berbanding dengan tiga rutin yang terdahulu. Pada awalnya, mereka agak ragu-ragu kerana diminta untuk menjelaskan pemikiran di sebalik respons yang diberikan. Walau bagaimanapun, setelah murid dibimbing untuk mengolah pemikiran mereka, mereka dapat memberikan bukti di sebalik pernyataan dan respons mereka. Lebih menarik lagi, murid merasakan bahawa pandangan



mereka dihargai dan ini memberi peluang untuk menjadikan pemikiran mereka lebih jelas.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menghasilkan dapatan yang positif. Kaedah yang digunakan berjaya menarik minat murid dalam pembelajaran lisan. Murid dapat melibatkan diri secara aktif sepanjang pembelajaran dan lebih yakin untuk menjawab soalan-soalan rangsangan dengan baik.

Melalui penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya, Melangkah ke Dalam, Fikir-Tulis dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu, murid dapat berfikir dengan lebih berstruktur, mendalami pemahaman dan meningkatkan kemahiran komunikasi mereka melalui latihan berterusan. Murid juga dapat memberikan respons yang relevan berdasarkan soalan-soalan rangsangan mengenai video dan tema.

Penggunaan *Mentimeter*, *Padlet* dan *Interactive Thinking Tools* di portal SLS telah meningkatkan keseronokan murid belajar semasa melakukan aktiviti-aktiviti interaksi lisan. Murid juga dapat belajar secara santai. Integrasi 5W1H dan rutin berfikir dalam pengajaran lisan bermanfaat, membina keupayaan berfikir murid dalam kemahiran lisan dan memenuhi tujuan pengajaran lisan dalam bilik darjah.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Nordiana Mohd Rashid

## RUJUKAN

Church, M., Morrison, K., & Ritchhart, R. (2011). *Making Thinking Visible*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.

Heong, Y. M., Yunos, J. M., Othman, W., Hassan, R., Kiong, T. T., & Mohamad, M. M. (2012). *The needs analysis of learning higher order thinking skills for generating ideas*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*.

Heredia, I. (2017). *Evaluating the effect of visible thinking routines on students' awareness and conceptions of thinking and understanding in the science classroom*. Montana State University Bozeman, Montana

Karin Morrison, Mark Church, and Ron Ritchhart (2011). *Making Thinking Visible: How to Promote Engagement, Understanding, and Independence for All Learners*. John Wiley & Sons.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Menjadikan Pemikiran Jelas*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.

